

22/07/1998

Hassan cukup pengalaman untuk terajui MPS

M Noh Senan

TAHNIAH kepada Hassan Mohd Zain yang akan mengetuai Majlis Perbandaran Seremban (MPS) sebagai yang dipertua baru (YDP) menjelang 1 Ogos dan berikutan itu, beliau menyertai kerabat golongan peneraju pihak berkuasa tempatan (PBT) negara ini bukan daripada kalangan ahli politik.

Beliau kini timbalan YDP dan `mengambil alih' jawatan nombor satu MPS berikutan Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, melepaskannya selaras keputusan Kabinet tidak membenarkan ahli politik memimpin PBT di kawasan masing-masing.

Pelantikan Hassan itu direstui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan diumumkan Menteri Besar baru-baru ini dan beberapa pihak, termasuk pemimpin masyarakat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan peniaga menyifatkan bertepatan serta sesuai berasaskan kepada pengalaman luas dalam pentadbiran di beberapa jabatan peringkat negeri.

Sebagai anak tempatan dan orang penting dalam MPS, sudah tentunya pengalaman yang ada serta lama menyelami kerehah penduduk dalam kawasan pentadbiran berkenaan dapat membantunya melaksanakan tugas lebih berkesan.

Tugas YDP menjadi lebih mencabar berikutan pembangunan dalam kawasan pentadbirannya semakin berkembang menjelang alaf baru dan Hassan tentu memerlukan kerjasama daripada ahli majlis serta kakitangannya.

Oleh kerana kegawatan ekonomi sekarang, mungkin beliau menghadapi masalah untuk menyusun program meningkatkan kemudahan serta perkhidmatan untuk faedah pembayar cukai. Namun ia tidak seharusnya dijadikan alasan sehingga menyekat keupayaan untuk memajukan kawasan bagi kepentingan penduduk.

Dalam melaksanakan program untuk penduduk, MPS tentunya bergantung kepada sumber pendapatannya seperti kutipan cukai taksiran selain bantuan kadar Kerajaan Persekutuan dan ini sering dikatakan tidak mencukupi.

PBT negara ini sentiasa dihantui dengan masalah tunggakan cukai dan MPS turut menghadapi tunggakan termasuk denda kira-kira RM11 juta setakat ini walaupun pelbagai langkah diambil seperti amaran atau mensita premis pemilik terbabit.

Sebagai YDP baru, Hassan mungkin sudah memikirkan sesuatu untuk kebaikan penduduk dan memajukan MPS berasaskan kepada perbincangan serta keputusan mesyuarat ahli majlis.

Sebelum ini, memang ada perubahan sudah diambil oleh MPS dari segi mengindahkan kawasan bandar dan meningkatkan kemudahan. Namun, masih ada sesetengah kawasan di mana penduduk bersungut mengenai kelewatan memungut sampah, banjir kilat atau masalah dihadapi ketika membuat sesuatu urusan.

Mungkin ada baiknya jika YDP baru ini, lebih selesa dan kerap membuat lawatan mengejut serta meninjau sendiri ke kawasan pentadbiran untuk menyelesaikan masalah dihadapi penduduk.

Cara ini lebih berkesan untuk menilai serta mengetahui keadaan sebenar berlaku `di luar' dan inilah yang dilakukan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam ucapan penggulungan di Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, Perdana Menteri berkata, beliau apabila ada kesempatan memandu sekitar ibu kota melihat sendiri apa yang berlaku dan perkara berkaitan dimasukkan dalam buku catatan untuk dipanjangkan kepada pihak berkenaan atau menteri terbabit.

Hassan yang dilantik timbalan YDP pada 1 Januari 1997, dikenali sebagai pegawai yang tegas, tidaklah boleh bergantung saja kepada aduan atau

laporan yang disampaikan oleh kakitangan, ahli majlis serta sumbernya sendiri.

Jika boleh, beliau seharusnya membuka pintu MPS untuk mengadakan sesi pertemuan mengikut masa yang sesuai bagi bertukar pendapat dan berbincang mengatasi masalah dengan penduduk, pemimpin masyarakat, pengusaha kilang, peniaga dan NGO.

Lebih pragmatik jika MPS mengambil sikap terbuka dengan membenarkan orang ramai mengikuti mesyuarat majlis selaras dengan peruntukan mengikut Akta Kerajaan Tempatan. Bukan itu saja, akhbar patut dibenarkan membuat liputan kerana di negeri ini, hanya sebuah PBT `berani' berbuat demikian setanding dengan beberapa PBT negeri di Malaysia, termasuk jiran negeri ini, Selangor.

Syabas kepada Majlis Daerah Port Dickson (MDPD) yang selama ini bersedia membuka pintu kepada akhbar dan mereka yang berminat mengikuti sepenuhnya ahli majlis berbincang mengenai isu berbangkit dan merencanakan program untuk faedah pembayar cukai.

Berikutan Seremban dijangka dinaikkan taraf bandar raya menjelang alaf baru, seluruh kakitangan serta ahli majlis bersedia untuk menghadapi cabaran lebih besar dan mereka dituntut untuk meningkatkan usaha memajukan kawasan setanding dengan kemajuan yang dicapai bandar raya lain.

Pada masa itu tentulah warganya dijangka bertambah berikutan pembukaan kawasan baru berbanding statistik pada 1995, kawasan pentadbiran dihuni oleh kira-kira 280,000 orang manakala premis kediaman serta perniagaan berjumlah 15,000 dan ia terus meningkat.

Dalam pertemuan dengan kakitangan MPS baru-baru ini di Seremban, Menteri Besar menyebutkan pentingnya perkhidmatan kepada penduduk ditingkatkan kerana bandar berkenaan tetap menjadi pilihan untuk didiami dan menawarkan pelbagai perkhidmatan seperti perbankan dan pusat beli-belah.

Menurutnya, MPS perlu menyediakan dan memperbaiki kemudahan infrastruktur bagi menghadapi cabaran yang dihadapi, lebih-lebih lagi berikutan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur beroperasi hujung bulan lalu, kesan limpahan ke kawasan selatan semakin hebat.

(END)